



WAWASAN 2020

PENDAHULUAN


- **SATU KONSEP YANG TELAH DIBENTANGKAN OLEH YAB PERDANA MENTERI DI MESYUARAT MAJLIS PERDAGANGAN MALAYSIA PADA 28 FEBRUARI 1991.**
- **BELIAU MENEGASKAN BAHAWA MATLAMAT PEMBANGUNAN NEGARA IALAH MENJADIKAN MALAYSIA “.. SEBAGAI SEBUAH NEGARA INDUSTRI” DAN “... PEMBENTUKAN SEBUAH NEGARA MALAYSIA YANG BENAR-BENAR MAJU MENJELANG TAHUN 2020 ... MENURUT ACUAN KITA SENDIRI ...”.**
- **KEMAJUAN YANG DIMAKSUDKAN MELIPUTI ASPEK EKONOMI, POLITIK, SOSIAL, KEROHANIAN DAN SEKTOR KEBUDAYAAN.**

APA ITU WAWASAN?

SATU WAWASAN (VISION) STRATEGIK JANGKA PANJANG SEBAGAI PANDUAN ARAH DASAR YANG LUAS MELIPUTI PELBAGAI ASPEK BERKAITAN PEMBANGUNAN NEGARA DALAM HUBUNGAN DENGAN PERKEMBANGAN EKONOMI DUNIA KESELURUHANNYA

- **MEMBERI PANDUAN ARAH TUJUAN.**
- **MEMBERI PANDUAN SASARAN NEGARA (TAHAP NEGARA MAJU SEPENUHNYA).**
- **JANGKA MASA (30 TAHUN).**

2020 AT GLANCE: THE SOCIETY



MENGAPA PERLUNYA SATU 'VISION'?

1. MEMBERI 'NATIONAL FOCUS'

- Wawasan yang jelas dan diterima umum berupaya memastikan bergerak ke hadapan dengan tumpuan yang lebih jelas, yakin dan serentak
- Contoh: Presiden Kennedy menyatakan dalam masa 10 tahun Amerika Syarikat akan berjaya sampai ke bulan. Setiap anggota NASA dengan sokongan kerajaan dan rakyat bersungguh-sungguh mencapai wawasan yang ditetapkan.

2. MENDAPATKAN KONSENSUS NASIONAL

- Penduduk berbilang kaum dan geografinya berasingan antara wilayah.
- Pandangan yang berbeza dan perselisihan mengenai masa depan negara.

MENGAPA PERLUNYA SATU 'VISION'?

3. SATU PERJANJIAN SOSIO-POLITIK

- Menjadi satu panduan utama setiap rakyat membawa negara kepada satu tahap lebih maju di masa hadapan.
- Setiap rakyat 'setuju-terima' mempersetujui arah dan matlamat yang sama.

4. MENYEDIAKAN GARIS PANDUAN BAGI AGENDA PEMBANGUNAN NASIONAL

- Satu pandangan jauh ke hadapan.
- Wawasan merupakan garis panduan utama bagi:
 - i) Menetapkan arah tujuan;
 - ii) Menetapkan matlamat.
 - iii) Menetapkan strategi;
 - iv) Menetapkan jangka masa;
 - v) Menetapkan pencapaian.

MENGAPA TAHUN 2020 ?

- **PEMBANGUNAN SATU GENERASI DALAM ERA TANPA SEMPADAN DAN PERSAINGAN YANG PESAT (30 tahun)**
- **SATU ERA PEMISAH PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DUNIA (Berjaya / tidak dalam pembangunan perindustrian).**
- **BERSAMA DALAM 'MEGATREND' (Ditentukan oleh pembangunan sains, teknologi dan komunikasi)**
- **JANGKA MASA YANG MUNASABAH DAN PRAKTIKAL (Berasaskan kemajuan dan pembangunan yang telah dicapai).**

CABARAN PERTAMA

- **MEWUJUDKAN SEBUAH NEGARA YANG BERSATU YANG MEMPUNYAI MATLAMAT YANG DIKONGSI BERSAMA. IAITU SEBUAH NEGARA YANG AMAN, BERINTEGRASI DI PERINGKAT WILAYAH DAN KAUM, HIDUP DALAM HARMONI, BEKERJASAMA SEPENUHNYA, SECARA ADIL DAN DIDOKONG OLEH SATU BANGSA MALAYSIA YANG MEMPUNYAI KESETIAAN POLITIK DAN DEDIKASI KEPADA NEGARA.**

CABARAN KEDUA

- **MEWUJUDKAN SEBUAH NEGARA YANG BERJIWA BEBAS, TENTERAM DAN MAJU DENGAN KEYAKINAN TERHADAP DIRI SENDIRI, BANGGA DENGAN APA YANG ADA, DENGAN APA YANG DICAPAI, GAGAH MENGHADAPI PELBAGAI MASALAH. MASYARAKAT MALAYSIA YANG MUDAH DIKENALI DARI SIKAP INGIN MENCAPAI KECEMERLANGAN, SEDAR SEMULA KEMAMPUANNYA, TIDAK MENGALAH KEPADA SESIAPA DAN DIHORMATI OLEH RAKYAT NEGARA LAIN.**

CABARAN KETIGA

- **MEWUJUD DAN MEMBANGUNKAN MASYARAKAT DEMOKRATIK DAN MENGAMALKAN SATU BENTUK PERSEFAHAMAN MATANG IAITU DEMOKRASI MALAYSIA YANG BOLEH MENJADI CONTOH KEPADA BANYAK NEGARA MEMBANGUN.**

CABARAN KEEMPAT

- **MEWUJUDKAN MASYARAKAT YANG BERMORAL DAN BERETIKA, KUKUH DALAM NILAI AGAMA DAN KEJIWAAN DAN DIDORONG OLEH TAHAP ETIKA YANG TINGGI.**

CABARAN KELIMA

- **MEWUJUDKAN MASYARAKAT YANG LIBERAL DAN BERTOLAK ANSUR, DI MANA MASYARAKAT PELBAGAI KAUM DI MALAYSIA BEBAS MENGAMALKAN ADAT, KEBUDAYAAN DAN KEPERCAYAAN AGAMA MEREKA DAN PADA MASA YANG SAMA MELETAKKAN KESETIAAN MEREKA PADA SATU NEGARA.**

CABARAN KEENAM

- **MEWUJUDKAN MASYARAKAT SAINTIFIK DAN PROGRESIF, MASYARAKAT YANG MEMPUNYAI DAYA PERUBAHAN TINGGI DAN MEMANDANG KE HADAPAN YANG BUKAN SAHAJA MENJADI PENGGUNA TEKNOLOGI TETAPI JUGA PENYUMBANG KEPADA TAMADUN SAINTIFIK DAN TEKNOLOGI MASA DEPAN.**

CABARAN KETUJUH

- **MEWUJUDKAN MASYARAKAT PENYAYANG DAN BUDAYA MENYAYANGI, IAITU SATU SISTEM SOSIAL YANG MANA KEPENTINGAN MASYARAKAT ADALAH LEBIH UTAMA DARIPADA DIRI SENDIRI, YANG MANA KEBAJIKAN INSAN TIDAK AKAN BERKISAR KEPADA ORANG PERSEORANGAN TETAPI DISEKELILING SISTEM KELUARGA YANG KUKUH.**

CABARAN KELAPAN

- **MEMASTIKAN MASYARAKAT YANG ADIL DALAM BIDANG EKONOMI. IAITU MASYARAKAT YANG MELAKSANAKAN PENGAGIHAN KEKAYAAN NEGARA SECARA ADIL DAN SAKSAMA, YANG MANA WUJUD PERKONGSIAN SEPENUHNYA BAGI SETIAP RAKYAT DALAM PERKEMBANGAN EKONOMI. MASYARAKAT SEDEMIKIAN TIDAK AKAN WUJUD JIKA MASIH ADA PENGENALAN KAUM BERDASARKAN FUNGSI EKONOMI DAN KEMUNDURAN EKONOMI BERDASARKAN KAUM.**

CABARAN KESEMBILAN

- **MEMUJUDKAN MASYARAKAT MAKMUR YANG MEMPUNYAI EKONOMI YANG BOLEH BERSAING, DINAMIK, GIAT DAN BERDAYA TAHAN.**

Sukar untuk membezakan cabaran ekonomi dan bukan ekonomi. Dari sembilan cabaran jelas cabaran yang lebih besar ialah cabaran bukan ekonomi. Cabaran yang lebih ketara adalah cabaran politik, sosial, psikologi dan budaya.

KE ARAH PENCAPAIAN WAWASAN 2020

- **Malaysia perlu membentuk ekonominya yang berdaya saing supaya mampu mengekalkan keupayaan jangka panjang serta bersifat dinamik, teguh, berdaya tahan dan berdaya maju.**
- **Petunjuk utama: KDNK perlu dipertingkatkan dari RM115 billion (1990) kepada RM920 billion (2020) – 8 kali ganda. Peningkatan pendapatan perkapita sebanyak 4 kali ganda. Pertumbuhan ekonomi 7 %.**
- **RRJP2 (1991-2000) & DPN dan RM6 (1991-1995) digubal untuk mencapai Wawasan 2020.**
- **DPN menyenaraikan aspek kritikal seperti berikut:**
 - a. **Mewujudkan keseimbangan yang optimum di antara matlamat pertumbuhan ekonomi dan pengagihan saksama.**
 - b. **Memastikan pembangunan yang seimbang bagi sektor-sektor utama ekonomi untuk meningkatkan daya saling melengkapi antara sektor bagi mengoptimumkan pertumbuhan.**
 - c. **Mengurangkan dan akhirnya menghapuskan keadaan ketidaksamaan dan ketidak seimbangan sosial dan ekonomi dalam negara untuk mengalakkan perkongsian secara lebih adil dan saksama faedah yang diperolehi daripada pembangunan ekonomi untuk semua rakyat malaysia**

KE ARAH PENCAPAIAN WAWASAN 2020

(Samb...)

- d. Menggalak dan memperkuat integrasi nasional dengan mengurangi jurang ketidakseimbangan yang luas dalam pembangunan ekonomi di kalangan negeri-negeri dan di antara kawasan bandar dan luar bandar.**
- e. Membangunkan sebuah masyarakat yang progresif di mana semua rakyat menikmati kesejahteraan hidup yang tinggi, di samping mempunyai nilai-nilai sosial dan kerohanian yang positif serta menghayati perasaan bangga dan cintakan negara.**
- f. Memajukan pembangunan sumber manusia termasuk mewujudkan tenaga kerja yang berdisiplin dan produktif serta meningkatkan kemahiran-kemahiran perlu bagi menghadapi cabaran dalam pembangunan industri melalui satu budaya kecemerlangan tanpa menjejaskan matlamat penyusunan semula masyarakat.**
- g. Menjadikan sains dan teknologi sebagai satu teras penting dalam perancangan dan pembangunan sosio ekonomi yang memerlukan usaha membangunkan keupayaan dan kebolehan dalam teknologi strategik dan berasaskan ilmu serta memajukan budaya sains dan teknologi dalam proses membangunkan satu ekonomi perindustrian moden.**
- h. Memastikan bahawa dalam usaha mencapai pembangunan ekonomi, perhatian yang sewajarnya perlu diberikan kepada perlindungan alam sekitar dan ekologi dalam jangka panjang bagi memastikan pembangunan negara dapat dikekalkan secara berterusan.**

KE ARAH PENCAPAIAN WAWASAN 2020 (Samb...)

DPN juga mengarahkan penerusan usaha ke arah pencapaian DEB iaitu mempercepatkan proses pembasmian kemiskinan dan penyusunan sosial dan ekonomi. Penumpuan yang digariskan oleh DPN:

- a. Mengalihkan tumpuan kepada strategi pembasmian kemiskinan di kalangan golongan termiskin di samping mengurangkan kemiskinan relatif.
- b. Menumpukan kepada pewujudan gunatenaga dan pembangunan pesat sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang aktif.
- c. Meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam proses penyusunan semula masyarakat melalui pewujudan peluang-peluang yang lebih luas untuk sektor tersebut berkembang.
- d. Menumpukan kepada pembangunan sumber manusia sebagai asas penting bagi mencapai matlamat pertumbuhan dan pengagihan saksama.

PENCAPAIAN LAIN-LAIN CABARAN

- Cabaran Ekonomi - jelas dan kurang sukar untuk dicapai.
- Cabaran lain seperti cabaran membentuk sebuah negara yang bersatu, pembentukan satu Bangsa Malaysia, kesetiaan politik dan negara memerlukan penghuraian lebih terperinci dan matang.
- Bangsa Malaysia - Bangsa yang bermoral, beragama dan beretika tinggi.
 - Penduduknya mempunyai psikologikal dan pemikiran yang tidak terkongkong, yakin, bangga dan sedar akan potensinya ke arah mencapai kecemerlangan.
- Pencapaian matlamat memerlukan tindakan dan komitmen dari berbagai dimensi dan peringkat.

APAKAH PERANAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA DALAM MENCAPAI WAWASAN 2020

- i. Dalam usaha untuk mencapai Wawasan 2020, Kerajaan telah menggariskan beberapa ciri perkhidmatan awam di masa hadapan, antaranya penggunaan sains dan teknologi yang canggih dalam peralatan dan automasi pejabat serta peningkatan penggunaan teknologi maklumat. Oleh itu, anggota perkhidmatan awam perlulah melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu serta kepakaran yang diperlukan agar keupayaan menggunakan teknologi yang canggih dapat dipertingkatkan.
- ii. Anggota-anggotanya dapat mempersiapkan diri dengan kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan, seperti ilmu pengetahuan, kemahiran-kemahiran tertentu serta mempertingkatkan ketrampilan dan kualiti keperibadian anggotanya.

APAKAH PERANAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA DALAM MENCAPAI WAWASAN 2020 (Samb..)

- iii. Setiap individu perlu melintasi halangan mental yang mempunyai anggapan bahawa keupayaan dan kemampuan kita adalah terhad. Segala-galanya boleh dilakukan dengan syarat setiap individu perlu bekerja keras, mengkaji kelemahan-kelemahan yang ada serta kegagalan-kegagalan yang lalu untuk mencari silapnya dan meninjau faktor yang membawa kejayaan. Apa yang diperlukan ialah keyakinan diri bahawa kita juga boleh melakukannya, malah dengan lebih baik lagi. Kalau takut mengambil risiko, kemajuan tidak akan tercapai.

APAKAH CADANGAN-CADANGAN UNTUK MENANGANI CABARAN WAWASAN 2020

- (a) Penjawat awam perlu faham peranan dalam menentukan pencapaian mereka sendiri, selain daripada pencapaian negara.
- (b) Mengenalpasti bidang-bidang yang diperluaskan, paradigma lama dan menerima paradigma yang baru.
- (c) Penjawat awam perlu melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kecekapan sesuai dengan paradigma baru ini serta penuh yakin bahawa mereka mempunyai kebolehan.
- (d) Di mana sahaja pertukaran pendekatan diperlukan, penjawat awam harus membuat pertukaran ini, termasuklah penghapusan sikap terasing dari masyarakat dan swasta yang menjadi pelanggan mereka. Piagam pelanggan mesti diterima sepenuhnya.
- (e) Penjawat awam perlu sentiasa memikirkan akan hasil dan sumbangan mereka kepada masa depan dan tidak hanya memikirkan akan sumbangan hari ini untuk hari ini.
- (f) Penjawat awam sebagai individu boleh menyumbang kepada kejayaan segala usaha, mereka harus sedar bahawa sumbangan sebagai anggota pasukan adalah lebih berkesan dalam apa jua usaha. Oleh itu mereka harus mengutamakan yang berkoordinasi dalam pasukan bagi menembusi paradigma lama dan memasuki paradigma baru.

PENUTUP

- **MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA MAJU YANG MEMPUNYAI KUALITI HIDUP YANG TINGGI MALAYSIA HARUS MEMPELAJAI KELEMAHAN DAN KEKUATAN YANG BERLAKU DI NEGARA MAJU.**
- **WAWASAN 2020 TIDAK MEMINTA MALAYSIA MENJADI NEGARA BARAT ATAU JEPUN TETAPI SEBUAH NEGARA BARU DAN LEBIH MANTAP DALAM SEMUA ASPEK KEHIDUPAN.**